

DEWAN

ديوان ايكونومي

# EKONOMI



*Berkesankah  
Program Bantuan  
Perumahan Rakyat?*

*Indonesia  
Selepas Pemilu*

## **PICORP** *Peneraju Industri Alam Sekitar Malaysia*

**Dato' Dr. Lukman Ibrahim**

*Pengarah Eksekutif Kumpulan  
Progressive Impact Corporation Berhad (PICORP)*



**BIL. 6 2019**

Semenanjung Malaysia	: RM6.50
Sabah/Sarawak	: RM7.00
Brunei Darussalam	: B\$ 6.50
Singapura	: S\$ 6.50

KK 330-91226-0619  
ISSN 0128-8520



#BahasaJiwaBangsa  
#MalaysiaMembaca  
#DekadMembacaKebangsaan  
#KLBaca2020



- 2 Nota Editor**
  - Kos Pembinaan Malaysia Antara yang Termurah?
- 3 Rencana Utama**
  - Mekanisme untuk Kawal Harga Rumah
  - Berkesankah Program Bantuan Perumahan Rakyat?
  - Sistem BIM Tingkatkan Prestasi Sektor Pembinaan
- 14 Kolumnis**
  - ECRL: Penghubung Hayat Ekonomi Pantai Timur dan Pantai Barat

**32-39**  
*Korporat*  
**PICORP: Peneraju Industri Alam Sekitar Negara**

**40-41**  
*Tokoh Korporat*  
**Disiplin dan Integriti Asas Kejayaan - Dato' Dr. Lukman Ibrahim**

- 18 Ekonomi Dalam Negeri**
  - Kempen Antiminyak Sawit: Cabaran Pasaran Global
- 22 Ekonomi Islam**
  - Institusi Penggerak Ekonomi Islam
  - Instrumen Lindung Nilai Alat Pengurusan Risiko
- 28 Berita Ekonomi**
  - Tun Dr. Mahathir: 50 Tokoh Paling Berpengaruh Dunia
  - Imbuhan Paling Tinggi Milik CEO Genting
  - Bank Negara Malaysia Turunkan OPR
  - Prestasi Perodua Kian Meningkat
  - Gabungan Celcom dan Digi: Syarikat Telekomunikasi Terbesar Malaysia
  - F&N Laksanakan Cukai Gula

- 42 Ekonomi Antarabangsa**
  - Suram Bermula
  - Indonesia Selepas Pemilu
- 52 Usahawan**
  - Elysian Aesthetics & Wellness Centre: Spa Idaman Setiap Wanita
- 56 Industri**
  - Malaysia Peneraju Industri Aeroangkasa Asia Tenggara
- 60 Perusahaan Tani**
  - Tanaman Jagung dan Ekosistem Industri Baharu
- 62 Ulasan Buku**
  - Mengeksploitasi Sisa Sawit secara Komprehensif

# Ringkasan Kulit

**SECARA** umumnya, punca pencemaran terhadap alam sekitar dapat dibahagikan kepada dua, iaitu pencemaran oleh faktor semula jadi dan pencemaran oleh faktor manusia. Banyak kes pencemaran yang membawa kepada peristiwa tanah runtuh, banjir kilat, pemanasan global, hujan asid, pencemaran udara, air dan darat, kepupusan tanaman dan habitat, yang menyumbang kepada ketidakstabilan ekosistem, berpunca daripada aktiviti dan tangan manusia. Keadaan ini yang memberikan kesan langsung kepada kesejahteraan dan kesihatan manusia, turut mengancam sumber alam dan ekosistem, serta mengganggu ameniti alam sekitar.

Sehubungan dengan hal itu, antara syarikat yang masih terus kekal bertahan, berkembang, dan berjuang untuk mempertahankan kelestarian kualiti alam sekitar di Malaysia ini termasuklah Progressive Impact Corporation Berhad (PICORP) Group yang terkenal dalam industri pengurusan penyelesaian alam sekitar dan patuh syariah yang beribu pejabat di Bukit Jelutong, Shah Alam, Selangor.



m33u DE  
000000412